

'Ada ahli politik isytihar harta tak bercakap benar'

BH - 18/11/2023

m/s: 2



Sebahagian peserta yang hadir pada Majlis Dialog Belanjawan 2023 di Putrajaya, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mendedahkan pengisytiharan harta oleh kebanyakan pemimpin politik, termasuk yang kini menjadi menteri, hanya berbentuk sandiwara kerana tidak mencerminkan jumlah sebenar kekayaan mereka.

Perdana Menteri berkata, ada pemimpin politik yang sebenarnya memiliki harta ratusan juta ringgit tetapi hanya mengisytiharkan mempunyai di antara RM10 juta hingga RM11 juta sahaja.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, pengisytiharan aset oleh menteri Kabinet perlu dibuat dengan cara yang bertanggungjawab dan telus, dan bukan sekadar 'gimik politik'.

"Jadi, apa yang perlu dibangunkan ialah satu parameter jelas membabitkan pengisytiharan harta pemimpin.

"Saya sedang berbincang dengan pelbagai agensi, termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk memastikan proses pengisytiharan aset itu lebih telus.

"Apabila melihat kepada angka dalam fail, ia mengejutkan saya. Kebanyakan orang tidak bercakap benar. Ia menjadi bahan ejekan," katanya pada sidang media selepas menyampaikan ucapan tama pada Majlis Dialog Belanjawan 2023 di Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Anwar berkata, pengisytihara-

ran harta yang dibuat itu hanya memuaskan hati mereka yang mendengar, tetapi ia tidak mencerminkan kekayaan sebenar.

Pada November lalu, Pusat Membanteras Rasuah dan Kronisme (C4) mendesak semua Ahli Parlimen baharu dipilih terutama daripada Pakatan Harapan (PH) perlu membuat pengisytiharan harta selaras janji sebelum pilihan raya lalu.

Pengerusi C4, Terence Gomez, dilaporkan berkata, Ahli Parlimen PH juga perlu mengisytiharkan harta pasangan masing-masing dan ahli keluarga berusia 18 tahun ke atas seperti dijanjikan dalam manifesto, selain seharusnya menjadi amalan setiap tahun.